

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. TUAN ANYI NGAU [BARAM]

TARIKH : 19 MEI 2015

SOALAN :

YB. Tuan Anyi Ngau [Baram] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah pihak Kementerian mempertimbangkan cadangan untuk membangunkan Ulu Baram sebagai kawasan pelancongan tanah tinggi bagi membantu mempertingkatkan tahap sosioekonomi komuniti Orang Ulu di kawasan ini.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia sentiasa bersedia untuk mempertimbangkan sebarang cadangan atau permohonan bagi membangunkan kawasan Ulu Baram sebagai kawasan pelancongan dalam usaha untuk membantu mempertingkatkan tahap sosioekonomi komuniti Orang Ulu di kawasan tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat 2 buah homestay yang menyertai Program Homestay di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia di kawasan Baram, Sarawak iaitu Homestay Rumah Panjang Hillary Tawan Achai dan Homestay Sg. Narum, Marudi bagi menggalakkan pelancong tempatan dan antarabangsa datang ke kawasan Ulu Baram.

Selain itu, pada tahun 2008, Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sarawak telah menubuhkan *Rural Servis Center (RSC)* di daerah Ulu Baram yang melibatkan tujuh (7) buah kampong. *Rural Servis Center* ini merupakan pusat perkhidmatan setempat di mana di sini terdapat pusat kraf tangan, tadika dan perkhidmatan *internet*. Penubuhan RSC ini adalah selaras dengan usaha Kraftangan Malaysia bagi membangunkan industri kraf di negeri ini khususnya di daerah Ulu Baram.

Terdapat seramai 286 orang usahawan kraf di tujuh (7) RSC yang mengusahakan kraf anyaman rotan, membuat parang dan sulaman manik. Kraftangan Malaysia telah mengadakan aktiviti Bimbingan Teknikal dan Orientasi Pengeluaran bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dan memantapkan pengeluaran produk kraf usahawan agar mampu menghasilkan produk kraf yang berkualiti dan berdaya saing.

Pada tahun 2013 dan 2014, sebanyak 25 aktiviti Bimbingan Teknikal dan Orientasi Pengeluaran telah diadakan di mana Kraftangan Malaysia telah menyediakan tenaga pakar bagi memberi bimbingan manakala kos pelaksanaan dibiayai oleh Kerajaan Negeri Sarawak.

Kementerian ini sentiasa bersedia untuk mempertimbangkan sebarang cadangan atau permohonan oleh Kerajaan Negeri Sarawak bagi membangunkan projek pembangunan di kawasan Ulu Baram jika bersesuaian.

Kementerian ini berharap, dengan usaha ini akan dapat menambah dan membantu mempertingkatkan tahap sosioekonomi komuniti serta menjana pendapatan Orang Ulu ke tahap yang lebih baik.

Sekian, terima kasih.